

04/09/2001

Panel pelaburan Tabung Haji mesti bebas, telus

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Panel Pelaburan Tabung Haji yang diwujudkan semula, perlu bebas dan tidak terikat dengan arahan Lembaga Pengarah atau Menteri, bagi membolehkannya menjalankan fungsi dengan telus.

Bekas Pengerusi dan Pengarah Besar Tabung Haji, Tan Sri Hanafiah Ahmad, berkata fungsi panel itu juga perlu merangkumi pelaburan yang dilakukan Tabung Haji dan anak syarikatnya.

"Panel itu perlu bebas, barulah pelaburan masa depan terjamin seperti yang dilaksanakan sebelum 1995. Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh bertindak sesuka hati dalam membuat pelaburan kerana tindak tanduk mereka diawasi dan dipantau Jawatankuasa Panel Pelaburan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, mengumumkan pelantikan Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail, sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Tabung Haji yang baru berkuatkuasa, Sabtu lalu.

Syed Anwar, 45, mempunyai pengalaman luas dalam bidang pelaburan dan perakaunan dan pernah memegang jawatan tertinggi berkaitan bidang itu di beberapa syarikat dan agensi.

Sebelum ini, Tabung Haji mempunyai Panel Pelaburan yang bebas, bagaimanapun dimansuhkan pada 1995 berikutan wujudnya Akta Tabung Haji 1995.

Tabung Haji yang ditubuhkan pada 1963, mempunyai tabungan sejumlah RM10.1 bilion daripada 4.5 juta penabung sehingga 30 April lalu.

Sehingga 1999, Tabung Haji mempunyai 13 anak syarikat, termasuk enam di sektor peladangan, iaitu TH Plantation Sdn Bhd; TH Indopalms; Ladang Tabung Haji (Sabah & Sarawak) Sdn Bhd; Ladang TH (Estates Holdings) Sdn Bhd; TH Agro Sdn Bhd dan Ladang Sawit Bintulu Sdn Bhd.

Anak syarikat lain ialah TH Travel Industries Sdn Bhd (perusahaan pengangkutan dan pelancongan); TH Properties Sdn Bhd (hartanah); TH Universal Builders Sdn Bhd (urus binaan); TH Global Services Sdn Bhd (perkhidmatan penyelenggaraan bangunan, kawalan keselamatan, pencucian dan catering); TH Computer Recovery & Services Sdn Bhd (perkhidmatan perlindungan bencana komputer); TH Technologies Sdn Bhd (prasarana berteknologi tinggi) dan TH NSTC (pembangunan hartanah).

Hanafiah yang hampir 20 tahun terbabit secara langsung dengan Tabung Haji berkata panel itu perlu diberi kuasa penuh untuk memutus dan meluluskan sama ada sesuatu pelaburan itu perlu dilaksanakan atau tidak.

Katanya, penubuhan badan bebas penting bagi memastikan semua pihak beramanah dan bertanggungjawab serta tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam menentukan sesuatu pelaburan.

Sementara itu, Abdul Hamid ketika mengulas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Tabung Haji menjual hartanah yang rugi, berkata pihaknya menyerahkan kepada panel itu untuk membuat keputusan.

"Panel berkenaan akan mengkaji pelaburan yang dibuat Tabung Haji dan mengambil langkah sepatutnya," katanya.

(END)